

## 5.1 SBUB bertapak di Sabah

- kekayaan hasil bumi
- kedudukan strategik.

## Sultan Brunei dengan Charles Lee

- 1865 : Sultan Brunei memberi konsensi tanah di Sabah kepada wakil USA, Charles Lee Moses selama 10 tahun.
- Moses jual konsensi kepada The American Trading Company (J.W. Torrey & T. B. Haris)
- Torrey gagal majukan perusahaan kopi & tebu.
  - jual haknya kepada Overbeck.
- 1877 : Overbeck mengalami masalah kekurangan modal
  - meminjam wang daripada Syarikat Alfred Dent & Edward Dent.
- Gabenor Labuan, W. H. Treacher membantu Overbeck memperbaharui pajakan daripada Sultan Brunei.
  - dengan syarat : syarikat yang bakal ditubuhkan oleh Overbeck di bawah kekuasaan British.
- 1877 : Sultan Mu'mein memperbaharui tempoh pajakan dengan Overbeck
- Sultan Mu'mein menyerahkan tanah antara Teluk Kumanis & Sungai Sibuku kepada Overbeck & Dent.

## Kesultanan Sulu dengan Overbeck

- 1878 : Perjanjian ditandatangani di antara Sultan Sulu dan Overbeck
  - sebahagian daripada wilayah Sabah dimiliki Kesultanan Sulu.
- Sultan Sulu menyerahkan kawasan dari Sungai Pandasan hingga Sungai Sibuku
- 1880 : Overbeck jual haknya kepada Syarikat Alfred & Edward Dent.
- Dent menubuhkan Persatuan Sementara Borneo utara British Berhad.
- saham syarikat dijual kepada rakyat British untuk menambah modal perniagaan
- 1881 : Syarikat ini dianugerahkan piagam diraja daripada kerajaan British.
  - Syarat :
- \* SBUB x boleh menyerahkan wilayah Sabah kepada sesiapa tanpa persetujuan British.
- \* SBUB melantik pentadbir daripada pegawai yang diakui oleh British.
- \* SBUB memelihara agama, adat resam & undang<sup>2</sup> tempatan.
- \* SBUB memerintah Sabah dengan adil & saksama.
- \* SBUB mesti menerima nasihat British.
- 1882 : Syarikat tersebut tukar menjadi Syarikat Borneo utara British (SBUB)
- SBUB diberi kuasa penuh mentadbir Sabah.